

LIFE

STYLIST

Into The Blue

Selamat datang ke Maldives! Di mana keindahan pasir putih, senyuman manis penduduk tempatan, ikan tampak seperti menari keseronokan, dan mentari terik setia menemani kamu sepanjang hari. Psst! Jiwa Cosmo tertinggal di Maldives... Mungkin kamu juga?

Surga TROPIKA

Dengan pasir putih, lautan biru dan barisan pokok kelapa di sekitarnya, Maldives merupakan destinasi pelancongan terbaik untuk tahun 2019. Terdapat 26 atol semula jadi yang merangkumi 1,192 kepulauan kecil, namun hanya 200 pulau yang didiami manusia. Cosmo kongsi empat hotel mengikut kategori tersendiri yang boleh kamu kunjungi.



MEWAH TAK TERKATA

St. Regis Maldives Vommuli

Jika kamu sedang pertimbangkan untuk menginap di sini dan mampu, jawapan Cosmo: Teruskan niat kamu tu! *Trust us*, kamu akan rasa dihargai sepanjang menginap di sini. Tak perlu risau untuk *pack* dan *unpack* *luggage* kerana *butler* sedia melakukannya untuk kamu. Sementara *butler* sibuk *unpack* segalanya, sarungkan bikini dan sapu *sunblock* satu badan kerana kamu

boleh lakukan *resort tour* dengan menyewa jetski. Walaupun bercuti, kamu kena *stay healthy* dan St. Regis Vommuli menawarkan *anti-gravity yoga*. Tampak mudah tapi sebenarnya tidak ya... Resort tropika ini menawarkan 77 vila yang menggunakan rona neutral untuk dekorasi setiap vila dan kini dalam misi untuk mewujudkan kesedaran tentang ekologi dan menjadikan Maldives sebagai percutian ala *heaven on earth*. Menarik!

YANG TERTUA... AND FULL OF COLORS!

Kurumba Maldives

Ini baru betul #YOLO bila kamu penat menyimpan sepanjang tahun dan *splurge* di tahun baru! Bayangkan 45 tahun lalu, yang ada hanyalah pokok kelapa (atau *kurumba* dalam bahasa *Maldivian*). Empat anak muda Maldives membangunkan pulau ini dan kini, ia merupakan resort yang paling terkenal. Mengambil 'kelapa' sebagai nama untuk resort ini, Kurumba adalah resort pulau swasta pertama di Maldives apabila ia membuka pintu pada tahun 1972 di kepulauan India di Maladewa.

Kurumba Maldives terletak di sebuah pulau tropika di Atol Male Utara, 10 minit perjalanan bot laju dari lapangan terbang. Kenapa Cosmo memilih Kurumba sebagai resort pertama? Tentulah kerana ia paling awal dibangunkan dan bermalam di resort ini bagaikan berada dekat dengan keluarga. Layanan yang tulus menawarkan pengalaman yang sukar dilupakan. Ia menawarkan lapan gaya penginapan, dari bilik Superior yang selesa hinggalah ke Royal Residence yang luas, yang terletak di antara taman tropika rimbun di pulau ini dengan akses mudah ke pantai. Ada lapan restoran berbeza dan empat bar untuk kamu pilih.



THE BUZZ

MELINTAS AMBANG PINTU
Maison Christian Dior, ia bagi mewarnai setiap saat dalam hidupmu. Mamar putih yang elegan dan konkrit bergandingan lantai kayu yang hangat mencipta cahaya dan keseronokan haruman Christian Dior Paris yang sudah tiba di Kuala Lumpur. Rasai wangian, botol, sabun, lilin dan haruman indah lain di **Lot No. 3.02.1A, Pavilion Shopping Mall. (dior.com)**



PERCAYA PADA PELUANG?
Setengah abad kemudian, walaupun pengasasnya tiada lagi di sini, semangat pengembaraan dan keajaiban berterusan memberi inspirasi kepada Diptyque. Sejak 2014, Koleksi 34 diperbaharui mengikut selera peminatnya dan ia kekal unik dan berlainan setiap tahun. Tahun ini ia digelar **La Collection Tente-Quatre. (kersapothecary.com.my)**

COSMO EDIT



HAIRCARE IS THE NEW SKINCARE!
Ritual rambut oleh Sisley menawarkan rutin penjagaan yang efektif, sensitif, lengkap untuk membersihkan, menjaga semula, menguat dan memperindah 'mahkotamu' setiap hari. **Revitalizing Straightening Shampoo 200ml, RM290 & Restructuring Conditioner 200ml, RM270. (sisley-paris.com)**

#NEVERFAKET
Nars tampil dengan maskara inovasi terkini! Memberi efek maksimum dengan formula ringan, Climax Mascara mudah dilayankan tanpa bergumpal atau comot, memberikan bulu mata lebih lentik dan fleksibel. *Build it and it will deliver...* seperti yang kamu suka. **Nars Climax Mascara RM100. (narscosmetics.com)**



BEST NOV EVER

Semua yang perlu kamu tahu untuk nikmati bulan paling epik!

SERVIS MADE-TO-ORDER
Untuk musim sejuk yang akan datang, Jimmy Choo telah melancarkan gaya dan fabrik baru. Kali ini, dengan gaya moden seperti sepatu Romy dan Emily diikuti dengan *clutch signature* Chandra, dengan fabrik baldi pelengkap gaya mewah. **(jimmychoo.com)**



ADA EFEK 'TAPI TIDAK KELIHATAN'.
Inilah definisi koleksi mekap Shiseido yang hadir dengan 18 produk dan 122 warna. Diklasifikasikan dalam empat tekstur semula jadi iaitu *dews*, gel, serbuk dan dakwat yang ringan tetapi tahan lama sekali gus memberi *statement* kepada warna berani dan bold. **(shiseido.com.my)**



ULANG TAHUN KE-46! Resort pulau pertama di Maldives membuka pintunya pada tahun 1972 di kepulauan India, Maladewa. Ia bermula dengan 30 pondok yang diperbuat daripada karang dan jerami dengan daun kelapa oleh empat Maldivian di pulau perladangan kelapa yang tidak didiami... Lihatlah keindahannya hari ini! **Kurumba Maldives (kurumba.com)**

OLEH: NISA HALID